

Headline	Pendidik harus tunjuk contoh terpuji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	24	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	Hariyati Ariffin	AdValue	RM 14,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,929



Pendidik harus tunjuk contoh terpuji

Oleh **Hariyati Ariffin**

Gangguan seksual dalam kalangan pendidik adalah kes terpencil dan jarang berlaku. Namun, tidak dinafikan kes sebegini wujud di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan ia dapat diselesaikan dengan baik bagi menjaga nama semua pihak.

Secara umumnya, masyarakat sedia maklum bahawa golongan pendidik adalah mereka yang diberikan kepercayaan dan sentiasa dipandang tinggi kerana mereka ini adalah dalam kalangan cerdik pandai yang mempunyai ilmu dan akhlak mulia.

Sebagai pendidik mereka berpegang kepada etika tertentu yang digariskan dalam profesion pendidikan tinggi dan sentiasa berusaha memberi ilmu dan mendidik anak bangsa menjadi golongan ilmuwan.

Justeru, jika ada kes yang membabitkan salah laku pensyarah seperti mencabul kehormatan pelajar, ini akan mencemar kerjaya pendidik, sekali gus mencalar nama institusi pengajian tinggi terbabit.

Ia umpama nila setitik rosak susu sebelanga, kes seumpama itu tidak seharusnya diperbesarkan kerana ia bukan saja merosakkan profesion pendidikan tetapi membawa malu dan aib kepada pihak terbabit.

Berpegang kepada pesanan ini, jika kita tutup aib orang, Allah akan tutup aib kita.

Nabi Muhammad SAW bersabda: "Sesiapa yang menutupi kesalahan seorang Muslim, maka Allah menutupi kesalahannya di dunia dan akhirat. (HR Ibn Majah)

Dalam hal ini, menjatuhkan hukuman bagi mereka yang belum disabitkan kesalahan boleh menganiaya dan merosakkan nama baik mereka.

Pepatah Inggeris ada menyebut, "A man is innocent until proven guilty" bermaksud seseorang itu dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya.

Namun, apa yang terjadi sekarang, seseorang itu cepat diadili dan dijatuhkan hukuman hanya melalui media sosial.

Kewujudan media sosial yang bebas untuk menyuarakan apa saja pendapat tanpa ada batasan menjadikan banyak kes seumpama ini diperbesarkan dan pelbagai spekulasi dibuat.

Mereka yang kita gelar 'key board warrior' atau pahlawan papan kekunci ini adalah golongan yang berani menulis apa saja dan berasakan diri mereka sebagai hakim walaupun hakikatnya mereka tidak tahu apa-apa.

Sememangnya dalam kes membabitkan pensyarah dan mereka yang diberi kepercayaan, ia mengundang kemarahan masyarakat.

Ini kerana kes begini bukan saja memalukan pihak terbabit tetapi

memaparkan keruntuhan moral di kalangan orang biasa dan berilmu luas dan dipandang tinggi.

Akibatnya, masyarakat tidak yakin dengan golongan ini. Disebabkan itu, mereka yang terbabit dalam dunia pendidikan seharusnya menjaga nama baik profesion ini serta mengangkat martabat mereka.

Mereka mesti menunjukkan contoh yang terpuji kepada pelajar dan bukan menganiaya pelajar dengan mengugut untuk menggagalkan pelajar dengan pelbagai cara.

Hubungan pendidik, pelajar

Hubungan baik antara pendidik dan pelajar mestilah dijaga dengan menjaga tatasusila, sikap, adab dan kesopanan dalam menuntut ilmu.

Pendidik adalah pengganti kepada ibu dan ayah kepada pelajar. Mereka memegang amanah yang sangat berat dan besar yang diberikan oleh keluarga pelajar untuk mendidik mereka menjadi insan berguna.

Justeru, pendidik mestilah memiliki sifat mulia seperti digariskan tokoh pendidikan Al Abrasyi iaitu memiliki sifat zuhud dalam melaksanakan tugas, bukan kerana material tetapi mencari keridaan Allah.

Mempunyai hati yang luhur dan jiwa yang murni serta tidak

Headline	Pendidik harus tunjuk contoh terpuji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	24	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	Hariyati Ariffin	AdValue	RM 14,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,929

mempunyai sifat tercela atau akhlak yang tidak elok. Mereka mestilah ikhlas, pemaaf dan sentiasa memahami perangai anak didiknya.

Bagi pelajar pula, mereka mestilah sentiasa menghormati pensyarah, kerana ilmu yang diberikan pensyarah yang baik dan berakhlak mulia sangat berkat dalam kehidupan mereka.

Namun, mereka ada hak untuk bersuara jika didapati ada pensyarah yang berkelakuan agak pelik dan terlebih kasih sayangnya.

Mereka perlu mengadu kepada pihak atasan universiti untuk menjaga maruah dan hak mereka selain mengelak berjumpa pensyarah itu seorang diri.

Jika berteman pun pensyarah itu masih melakukan perbuatan kurang manis, rakan-rakan boleh menjadi saksi perbuatan pensyarah terbabit untuk tindakan pihak atasan universiti.

Berani kerana benar. Justeru, jangan rasa takut untuk membuat laporan kepada pihak yang berkenaan walaupun ada yang berasakan mereka terancam dan mendapat malu apabila membuat laporan seumpama itu.

Natijahnya, manusia tidak sempurna, kita sentiasa membuat kesilapan dan lupa. Kadangkala sesuatu perkara yang berlaku adalah amaran Allah dan kita disuruh menginsafi diri dan kembali ke jalan yang benar.

Bagi mereka yang berasakan diri mereka di pihak yang benar, usah risau kerana Allah lebih mengetahui dan melihat segalanya.

Lambat laun sesuatu itu pasti akan terbukti kebenarannya.

**Penulis ialah pensyarah kanan
Universiti Teknologi Mara
(UiTM)**

Headline	Pendidik harus tunjuk contoh terpuji		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	24	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	398 cm ²
Journalist	Hariyati Ariffin	AdValue	RM 14,643
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,929



IMBAS laporan Harian Metro berhubung pensyarah miang.